MENTHOLATUM DEEP HEATING RUB

Methyl Salicylate / Menthol (12.7% w/w / 5.8% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Mentholatum Deep Heating Rub
2. Bagaimana Mentholatum Deep Heating Rub berfungsi
3. Sebelum menggunakan Mentholatum Deep Heating Rub
4. Cara menggunakan Mentholatum Deep Heating Rub
5. Semasa menggunakan Mentholatum Deep Heating Rub
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Mentholatum Deep Heating Rub
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang Mentholatum Deep Heating Rub. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Jika anda mempunyai sebarang kemusykilan tentang pengambilan ubat ini, tanya ahli farmasi atau doktor anda.

Apakah kegunaan Mentholatum Deep Heating Rub

Mentholatum Deep Heating Rub memberikan kelegaan sementara untuk sakit otot dan sakit belakang yang ringan, terseliuh dan tergeliah.

Bagaimana Mentholatum Deep Heating Rub berfungsi

Mentholatum Deep Heating Rub mengandungi bahan-bahan aktif Methyl Salicylate dan Menthol.

Methyl Salicylate digunakan untuk mengurangkan kesakitan dan keradangan.

Apabila Menthol disapukan pada kulit, saluran darah akan dibesarkan menyebabkan satu sensasi kesejukan diikuti oleh satu kesan melegakan kesakitan. Ia juga bertindak sebagai penambah penembusan, meningkatkan penembusan ubat apabila digunakan pada kulit, memberikan tindakan permulaan yang lebih cepat.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

Sebelum menggunakan Mentholatum Deep Heating Rub

- *Bila tidak boleh menggunakan*

Jangan menggunakan Mentholatum Deep Heating Rub sekiranya:

- Anda alah (hipersensitif) kepada Methyl Salicylate, Menthol atau kepada apa-apa bahan lain yang terkandung di dalam ubat ini.
- Anda mengalami kulit yang sensitif, mempunyai luka terbuka atau dermatitis sentuhan.
- Pesakit yang mengambil warfarin mungkin berisiko mengalami pendarahan jika diaplikasi untuk sengal otot atau sendi secara berlebihan pada kulit.

- *Sebelum mula menggunakan*

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda:

- Jika anda mengalami kulit yang sensitif, mempunyai luka terbuka atau dermatitis sentuhan.
- Jika anda mengambil warfarin.
- Jika anda mengalami masalah gangguan peredaran darah atau kencing manis.
- Jika digunakan untuk kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah.

Kehamilan dan penyusuan badan:

- Tiada rekod menunjukkan ubat ini selamat digunakan semasa kehamilan dan laktasi (penyusuan).
- Jangan menggunakan ubat ini semasa anda sedang mengandung atau sedang menyusukan anak (laktasi).

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda tentang semua ubat-ubatan yang lain dan produk kulit yang anda gunakan, termasuk ubat-ubatan preskripsi, vitamin, makanan tambahan herba, dan kosmetik. Tiada interaksi ubat dengan Mentholatum Deep Heating Rub yang diketahui yang telah dilaporkan.

Cara menggunakan Mentholatum Deep Heating Rub

- *Berapa banyak harus digunakan*

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Sapu ubat ini pada bahagian yang sakit. Untuk ketegangan otot dan sakit belakang, sapukan ubat ini sebelum bersenam untuk memanaskan badan. Selepas bersenam, ubat ini boleh disapukan untuk melegakan otot yang sakit dan tegang.

- *Bila perlu digunakan*

Mentholatum Deep Heating Rub digunakan untuk memberikan kelegaan sementara untuk sakit otot dan sakit belakang yang ringan, terseliuh dan tergeliah.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Ubat ini digunakan selamanya mengalami sakit-sakit sendi dan otot, terseliuh dan tergeliah.

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya gejala-gejala anda berterusan selama lebih daripada 10 hari atau sekiranya anda mengalami kemerahan kulit dan hipersensitif kulit, atau sekiranya gejala ini berlaku di kanak-kanak berumr 12 tahun ke bawah.

- *Jika terlupa menggunakan*

Sapukan krim ini dengan segera sebaik sahaja anda teringat dan kemudian teruskan rawatan anda seperti biasa.

Jangan sapu dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Mentholatum Deep Heating Rub mempunyai methyl salicylate yang boleh meresap melalui kulit ke dalam system peredaran darah.

Pesakit yang mengambil warfarin mungkin berisiko mengalami pendarahan jika diaplikasi untuk sengal otot atau sendi secara berlebihan pada kulit.

Mild chronic salicylate intoxication, atau salicylism biasanya akan berlaku selepas penggunaan dengan kerap dalam dos yang berlebihan. Salicylism juga akan berlaku jika disapu secara topikal dengan kerap. Gejala salicylism termasuk pening, tinitus, pekak, berpeluh, rasa loya dan muntah serta sakit kepala dan kekeliruan.

Jika anda tertelan Mentholatum Deep Heating Rub, bilas mulut anda dengan banyak air dan hubungi doktor atau ahli farmasi anda untuk nasihat.

Semasa menggunakan Mentholatum Deep Heating Rub

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Jika anda bersedia untuk memulakan pengambilan ubat baru yang lain, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda yang anda sedang mengambil Mentholatum Deep Heating Rub.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Gunakan krim ini seperti yang diarahkan.

Persediaan ini tidak sewajarnya digunakan pada bayi dan dikontraindikasikan pada mereka yang menunjukkan hypersensitivity terhadap sebarang komponen dalam formulasi ini.

Jangan mengambil lebih daripada dos yang disyorkan melainkan dibenarkan oleh doktor anda.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Untuk kegunaan luaran sahaja. Jangan sapu pada luka, dekat mata atau membrane mukus. Jikalau terkena mata atau kawasan yang sensitif, bilas kawasan terjejas dengan air dan sabun dan sapukan krim emolien.

Jangan gunakan Mentholatum Deep Heating Rub di bawah pembalut luka.

Jangan gunakan Mentholatum Deep Heating Rub dengan haba luaran atau air panas pada kawasan terjejas.

Gunakan ubat ini dengan berhati-hati di kanak- kanak yang lebih besar.

Jauhkan daripada kanak-kanak.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Mentholatum Deep Heating Rub boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan-kesan sampingan termasuk iritasi kulit, kemerahan atau bengkak, rasa pedih. Kesan sampingan adalah jarang, gejala rasa pening dan loya mungkin berlaku

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan krim ini.

Segelintir orang mungkin akan mengalami kesan sampingan seperti kerengsaan yang berlebihan.

Hentikan pengambilan krim ini sekiranya anda mengalami kerengsaan yang berlebihan pada kulit atau hipersensitif kulit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my *[Consumers→Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]*.

Cara penyimpanan dan pelupusan Mentholatum Deep Heating Rub

- *Penyimpanan*

Simpan di bawah suhu 30°C. Simpan di tempat kering dan terlindung daripada cahaya. Simpan jauh daripada jangkauan kanak-kanak.

- *Pelupusan*

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenaicara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

Maklumat lanjut

- *Rupa dan warna produk*

Mentholatum Deep Heating Rub ialah homogen krim yang berwarna putih yang mempunyai bau pudina.

Mentholatum Deep Heating Rub boleh didapati dalam 35.4g dan 94.4g.

- *Bahan-bahankandungan*

Bahan-bahan aktif:
Ia mengandungi Methyl Salicylate 12.7%w/w dan Menthol 5.8% w/w

Bahan-bahan tidak aktif:
Chloroxylenol, Oil of Turpentine, Oil of Eucalyptus, Glyceryl Monostearate SE, Water (Aqua), Lanolin Anhydrous.

- *Nombor MAL:* MAL19910391X

Pengilang

THE MENTHOLATUM CO INC
707, Sterling Drive, Orchard Park, New York, 14127, United States.

Pemegang Pendaftaran Produk

ROHTO-MENTHOLATUM (M) SDN. BHD.
Unit 9-1, Level 9 Wisma Averis, Avenue 5, Bangsar South City, No.8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP
23/07/2024

Nombor Siri
NPRA(R2/3)240821/1336